



14 DEC, 2022

MAVCAP dalam landasan capai pelaburan RM1 bilion



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

MAVCAP dalam landasan capai pelaburan RM1 bilion

Syarikat wujud kumpulan ‘wang pintar’ terus perjuangkan inovasi

Oleh Farah Adilla
bhbiz@bh.com.my

Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dalam landasan tepat mencapai pelaburan sebanyak RM1 bilion, sekali gus mampu memberikan impak besar kepada perniagaan di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shahril Anas Hasan Aziz, berkata jumlah dana boleh diakses MAVCAP dan rakan kongsnnya kini berjumlah RM2.2 bilion.

Beliau berkata, MAVCAP juga terus memainkan peranan sebagai tulang belakang pasaran modal teroka pada peringkat tempatan dan serantau, menyokong usaha kerajaan untuk bekerjasama dengan sektor swasta bagi memacu pertumbuhan.

macu pertumbuhan.

“Secara kolaboratif dengan rakan kongsi kerajaan dan sektor swasta dalam mendapatkan dana modal teroka, kami mewujudkan kumpulan ‘wang pintar’ yang mana MAVCAP akan terus memperjuangkan inovasi dan memacu pembangunan ekonomi digital.

“Adalah penting untuk memupuk semangat keusahawanan yang kukuh dan ekosistem yang sangat kondusif untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta syarikat baharu.

“Ini pada akhirnya akan memberikan sokongan padu kepada PKS dan syarikat baharu kerana syarikat ini akan menentukan

masa depan negara kita,” katanya ketika berucap pada MAVCAP Accelerating Ventures 2022 di Kuala Lumpur, semalam.

Kesan pengganda

Shahril berkata, sejak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10), syarikat modal teroka terbesar negara itu menerusi perkongsian dengan sektor swasta mewujudkan kumpulan pembiayaan modal teroka yang boleh diakses oleh syarikat pemula teknologi berjumlah RM2.2 bilion.

Beliau berkata, ini adalah 4.5 kali lebih banyak daripada apa yang diperuntukkan kerajaan kepada MAVCAP di bawah RMK.

“Kesan pengganda ini dapat memastikan kemampuan industri serta memberi manfaat kepada pengurusan dana dan memperjuangkan inovasi oleh syarikat baru.

“Sebagai contoh, salah satu unicorn tempatan kami iaitu Carsome, MAVCAP melabur sekitar A\$3 juta menerusi pelbagai dana dan syarikat itu kini dinilai pada 15.7 kali ganda jumlah pelaburan.

“Ini adalah bukti usaha kami dalam memperjuangkan inovasi pada pentas global,” katanya.

Shahril berkata, untuk 2023, pihaknya berharap dapat memainkan peranan lebih banyak dalam peringkat pertumbuhan pasaran modal teroka di mana ia dapat merapatkan jurang untuk pembiayaan memandangkan dana semasa kebanyakannya pada peringkat awal.

Beliau berkata, ini juga bagi memastikan kesinambungan ekosistem dan menyumbang kepada pengkuhan ekonomi Malaysia.

“Kami mempelawa sektor swasta untuk bekerjasama rapat dengan kami dan rakan kongsi kami untuk lebih aktif dalam ruang menarik ini,” katanya.

MAVCAP terus memainkan peranan sebagai tulang belakang pasaran modal teroka pada peringkat tempatan dan serantau, menyokong usaha kerajaan untuk bekerjasama dengan sektor swasta bagi memacu pertumbuhan.

Shahril Anas Hasan Aziz,
Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP





14 DEC, 2022

MAVCAP dalam landasan capai pelaburan RM1 bilion



Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Syarikat wujud kumpulan ‘wang pintar’ terus perjuangkan inovasi

Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dalam landasan tepat mencapai pelaburan sebanyak RM1 bilion, sekali gus mampu memberikan impak besar kepada perniagaan di negara ini. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shahril Anas Hasan Aziz, berkata jumlah dana boleh diakses MAVCAP dan rakan kongsinya kini berjumlah RM2.2 bilion.